



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGETAHUAN KAKITANGAN MUSLIM TERHADAP PENGIRAAN SUMBER
PENGGAJIAN DALAM ZAKAT PENDAPATAN**

NOOR HAMIZAH BINTI SAIDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISSERTATION SUBMITTED IN FULFILLMENT OF THE REQUIREMENT FOR THE
DEGREE OF MASTER OF EDUCATION (ECONOMICS)**

**FACULTY OF MANAGEMENT AND ECONOMICS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis pengetahuan dan kepatuhan pembayar zakat untuk menunaikan zakat pendapatan dengan kaedah yang paling tepat. Ketepatan dalam pengiraan pendapatan yang wajib ditunaikan zakat amat penting kini. Perkembangan jenis sumber pendapatan yang tidak terhad kepada gaji dan elaun sahaja, memerlukan pembayar untuk lebih berhati-hati menunaikan amalan ini. Sehubungan itu, kajian ini membentuk 11 sumber yang membentuk penggajian individu melibatkan dua punca utama iaitu gaji dan elaun, manakala sembilan sumber baru. Antara sumber-sumber baru ini ialah pendapatan pokok, elaun, bayaran pakar rujuk, tuntutan bersih daripada kerja rasmi dan juga penyelidikan. Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik. Item utama yang membentuk 11 sumber pendapatan yang dikaji diteliti berbantuan maklumat dari kalkulator zakat pendapatan secara atas talian. Responden dalam kajian ini terdiri daripada kakitangan pengurusan dan professional di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Pemilihan ini bagi menyesuaikan jenis pendapatan dikaji dengan pekerjaan yang sesuai dengan perolehan pendapatan-pendapatan berkenaan. Dalam kajian ini, seramai 320 orang responden menyertai kajian ini. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Hasil analisis secara keseluruhan mendapati bahawa tahap pengetahuan dan pemahaman individu dalam menghitung jumlah sebenar zakat pendapatan yang perlu ditunaikan adalah lemah. Tambahan pendapatan seperti elaun, bonus, bayaran perundingan dan tuntutan bersih penyelidikan merupakan antara sumber pendapatan yang kurang difahami oleh masyarakat untuk dimasukkan bersama-sama dalam pengiraan nilai zakat pendapatan. Implikasi kajian ini menunjukkan keperluan kepada pihak berautoriti untuk memberikan lebih penerangan berkaitan zakat pendapatan bagi memastikan pemilikan harta individu lebih bersih serta meningkatkan keadilan dalam agihan kekayaan.





KNOWLEDGE OF MUSLIM STAFF ON TITHE CALCULATION FROM RENUMERATION SOURCE

ABSTRACT

The aim of this study is to analyze the knowledge and compliance of tax payers to pay 'zakat' with the most accurate method. Accuracy in the calculation of income is crucial to fulfill in order for 'zakat' to be enforce. The development in sources of income are not limited to salaries and allowances, instead it requires the taxpayers to take precaution steps in performing such practice. Accordingly, this study had established 11 sources that make up individual employment which involves two main sources which are salaries and allowances, while introducing nine new sources. The nine new sources are basic income, allowances, consultant fee, net claims from official work and research. Research method that was used in this study is by way of distributing and collecting questionnaires. The main items that make up these 11 sources of income was studied and examined with the aid of information from 'zakat calculator on-line revenue'. The respondents in this study consist of management and professional staff in Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. The selection was altered to suit the types of income studied, with the occupation that are suitable in accordance with the income-revenue. A total of 320 respondents had participated in this survey. The data were analyzed using descriptive analysis. The result from an overall analysis on the level of knowledge and understanding of an individual in calculating the exact amount of zakat that should be fulfill was found to be weak. Additional income such as allowances, bonuses, consultation fees and net claims from research is among the sources of income that are poorly understood by the public to be included in the calculation of zakat. The implications of this study indicate the need for the authority to give more explanation on the subject of 'zakat' in order to ensure purification on the ownership of an individual property and improve fairness in the distribution of wealth.



SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang	2
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Soalan Kajian	11
1.6	Skop Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Definisi Operasional	12
1.9	Organisasi Kajian	15
1.10	Rumusan	16

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.1.1	Definisi Zakat	18
2.1.2	Jenis-jenis Zakat	18

2.2	Zakat Pendapatan	23
2.2.1	Sejarah Zakat <i>Al-Mal Al-Mustafad</i>	23
2.2.3	Dalil Kewajipan Zakat <i>Al-Mal Al-Mustafad</i>	25
2.2.4	Definisi Zakat Pendapatan	27
2.2.5	Syarat Wajib Zakat Pendapatan	27
2.2.6	Asas pengiraan <i>nisab al-Mal al-Mustafad</i>	29
2.2.7	Asas Penetapan <i>Haul al-Mal al-Mustafad</i>	31
2.3	Tinjauan Literatur	32
2.3.1	Kajian-kajian Empirikal Zakat Pendapatan	32
2.4	Rumusan	36

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka bentuk kajian	38
3.3	Sampel kajian	39
3.4	Instrumen kajian	40
3.4.1	Bahagian A: Profil Responden	47
3.4.2	Bahagian B: Pengetahuan Mengenai Konsep Zakat Dan Zakat Pendapatan	48
3.4.3	Bahagian C: Amalan Zakat Pendapatan	49
3.5	Proses Penganalisisan Data	51
3.5.1	Prosedur Pengumpulan Data	51
3.5.2	Data	52
3.5.3	Analisis Kebolehpercayaan dan Kesahan	53

3.6	Rumusan	55
-----	---------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	56
4.2	Analisis Deskriptif	56
4.2.1	Profil responden	57
4.3	Analisis Silang (<i>Crosstabulation</i>)	59
4.3.1	Pengetahuan responden mengenai konsep zakat	59
4.3.2	Sumber pendapatan yang dikenakan zakat pendapatan	61
4.3.3	Kepatuhan menghitung punca pendapatan yang wajib kena zakat pendapatan	63
4.4	Rumusan	68

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

5.1	Pengenalan	69
5.2	Rumusan dan Perbincangan Kajian	69
5.2.1	Tahap pengetahuan masyarakat terhadap konsep zakat	69
5.2.2	Tahap pengetahuan masyarakat terhadap punca- punca pendapatan yang wajib dikenakan zakat keatasnya	70
5.2.3	Kepatuhan menghitung zakat pendapatan berdasarkan punca-punca pendapatan gaji dan pendapatan-pendapatan tambahan	70
5.3	Cadangan	71



5.4	Cadangan bagi kajian Depan	72
	RUJUKAN	74
	LAMPIRAN	



SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk Jadual	Muka Surat
1.1	Tarikh Diwartakan Fatwa Zakat Pendapatan Setiap Negeri	4
1.2	Kutipan Zakat Pendapatan Mengikut Negeri bagi Tahun 2000-2012	5
1.3	Sumber-sumber Kutipan Zakat Mengikut Negeri	6
2.1	Jadual Pendapatan Bersih Yang Cukup <i>Nisab</i>	31
3.1	Skala Guttman Bagi Bahagian A Dalam Borang Soal Selidik	49
3.2	Skala Bagi Bahagian C1 Dalam Borang Soal Selidik	50
3.3	Skala Likert Bagi Bahagian C2 Dalam Borang Soal Selidik	50
3.4	Garis Panduan Bagi Skor Min Pembolehubah kajian	53
3.5	Kesahan Kandungan	54
3.6	Kesahan Muka	55
4.1	Profil Responden	58
4.2	Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Konsep Zakat	60
4.3	Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Sumber Pendapatan Yang Dikenakan Zakat Pendapatan	62
4.4	Kepatuhan menghitung zakat berasaskan sumber gaji	64
4.5	Kepatuhan menghitung zakat berasaskan sumber elaun (Perumahan/ Imbuhan Tetap/ Keraian)	64
4.6	Kepatuhan menghitung zakat berasaskan sumber-sumber pendapatan tambahan	65

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk Rajah	Muka Surat
3.1	Kalkulator Zakat Pendapatan Lembaga Zakat Selangor	41
3.2	Kalkulator Zakat Pendapatan Pusat Kutipan Zakat Pahang	41
3.3	Kalkulator Zakat Pendapatan Majlis Agama Islam Johor	42
3.4	Kalkulator Zakat Pendapatan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	42
3.5	Kalkulator Zakat Pendapatan Pusat Zakat Melaka	42
3.6	Kalkulator Zakat Pendapatan Jabatan Zakat Negeri Kedah	43
3.7	Kalkulator Zakat Pendapatan Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu	43
3.8	Kalkulator Zakat Pendapatan Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis	44
3.9	Kalkulator Zakat Pendapatan Majlis Agama dan Adat Istiadat Kelantan	44
3.10	Kalkulator Zakat Pendapatan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan	44
3.11	Kalkulator Zakat Pendapatan Majlis Agama Islam Perak	45
3.12	Kalkulator Zakat Pendapatan Zakat Pulau Pinang	45
3.13	Kalkulator Zakat Pendapatan Tabung Baitulmal Sarawak	45
3.14	Kalkulator Zakat Pendapatan Pusat Zakat Sabah	46
3.15	Prosedur Pengumpulan Data	52

SENARAI SINGKATAN

PPZ	Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan
LZS	Lembaga Zakat Selangor
PKZ	Pusat Kutipan Zakat Pahang
ZPP	Zakat Pulau Pinang
PZM	Pusat Zakat Melaka
PZNS	Pusat Zakat Negeri Sembilan
PZS	Pusat Zakat Sabah
TBS	Tabung Baitulmal Sarawak
JZNK	Jabatan Zakat Negeri Kedah
MAIPS	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
MAIJ	Majlis Agama Islam Negeri Johor
MAIPk	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIK	Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

SENARAI LAMPIRAN

- A Kesahan
- B Surat Edar Soal Selidik
- C Borang Soal Selidik



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Zakat merupakan rukun Islam yang banyak dihubungkan dengan ibadah solat dalam al-Quran.

Hubungan ini membuktikan bahawa pelaksanaan zakat secara sempurna dapat mengukuhkan

tiang agama Islam seseorang individu yang berkaitan dengan ekonomi dan sosial. Bagi

mengukuhkan paksi ini, pengetahuan individu berkaitan zakat amat penting. Diversifikasi

sumber zakat kini memerlukan individu peka terhadap tanggungjawab ini untuk ditunaikan

secara sempurna.

Antara sumber-sumber zakat di Malaysia adalah seperti zakat pertanian, zakat emas, zakat fitrah, zakat wang simpanan, zakat perniagaan, zakat saham dan zakat pendapatan. Kutipan zakat yang paling banyak adalah daripada zakat pendapatan serta kutipannya menunjukkan peningkatan dari masa ke semasa. Namun, nilai kutipan zakat yang sedikit atau banyak tidak membuktikan tahap kesedaran atau pelaksanaan yang menyeluruh. Pertambahan dalam kutipan zakat berkemungkinan berpunca dari pertambahan bilangan pembayar. Namun demikian, sejauh mana kualiti seseorang individu menyempurnakan sumber pendapatan memerlukan suatu kajian yang lebih terperinci. Konsep kesedaran syumul individu muslim terhadap zakat pendapatan khususnya amat signifikan untuk memastikan zakat berupaya



direalisasikan sebagai medium pembangunan ekonomi dan sosial negara (Mujaini, 2005; Kamil, 2009; Rif'at, 2002).

1.2 Latar Belakang

Setiap kerajaan yang membentuk sebuah negara mestilah mempunyai bentuk pembiayaan awam untuk manfaat penduduknya dalam aspek ekonomi. Bentuk-bentuk pembiayaan awam tersebut boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pungutan cukai, pungutan zakat dan pungutan bukan cukai (Hasan & Ezani, 2006). Hasil kutipan daripada ketiga-tiga bentuk pembiayaan tersebut kemudiannya diagihkan kepada sektor ekonomi dan sosial berlandaskan matlamat negara yang melaksanakan pungutan tersebut, misalnya untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan mengagihkan kekayaan. Satu daripada bentuk pembiayaan tersebut ialah zakat yang merupakan alat jaminan sosial kepada seluruh masyarakat Islam (Mohd Harmain, 2002).

Menelusuri amalan zakat dan perekonomian Islam yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah S.A.W. merupakan senario yang sangat berbeza dengan realiti hari ini. Sumber zakat pada zaman Nabi S.A.W adalah berbeza dengan sumber zakat yang diijtihad oleh para ulama pada masa kini. Namun begitu, perbezaan sumber zakat ini tidak bercanggah dengan konsep asas zakat. Perluasan sumber zakat ini membuktikan bahawa agama Islam merupakan agama yang sentiasa menepati kesesuaian kehendak semasa. Pada zaman Rasulullah S.A.W. serta para sahabat r.a, amalan zakat membuktikan kejayaan terhadap sistem ekonomi dan sosial. Kejayaan amalan zakat sebagai agen ekonomi masih boleh dicapai dan diulang sekiranya masyarakat Islam hari ini mempunyai kefahaman mengenai asas, tuntutan, peranan dan konsep zakat (Mohd Faisol & Suhaina, 2010). Zakat pendapatan misalnya merupakan

bentuk zakat terkini yang terbukti berupaya mendapatkan sokongan dan kepercayaan yang tinggi dalam masyarakat Islam bagi memacu pembangunan ekonomi negara dan agihan pendapatan masyarakat yang setara.

Zakat pendapatan mempunyai landasan yang kukuh seperti bentuk-bentuk zakat yang wujud pada masa silam meskipun ianya satu bentuk baharu dalam pelaksanaan zakat moden. Ulama-ulama mutakhir pada hari ini telah menghasilkan bentuk-bentuk baharu sumber zakat berikutan keterbukaan ijtihad yang memberikan laluan dalam penghasilannya. Bentuk-bentuk baharu zakat ini dihasilkan kerana ianya mampu untuk mendatangkan manfaat yang besar bagi kepentingan umat Islam. Isu berkaitan zakat pendapatan telah menarik perhatian banyak pihak terutamanya masyarakat Islam yang mempunyai pendapatan dan layak membayar zakat pendapatan (Hamizul, 2013). Namun, isu berkaitan zakat wajib ke atas pendapatan bukanlah sesuatu isu yang baharu di Malaysia. Pendapatan gaji atau sebarang perolehan dalam bentuk wang boleh dikategorikan di dalam kelompok pendapatan *al-mal al-mustafad* iaitu merangkumi sebarang perolehan yang dihasilkan melalui apa sahaja cara yang halal (Mujaini, 2012).

Di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 22 Jun 1997 telah memutuskan bahawa zakat ke atas pendapatan/ penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat. Zakat pendapatan juga dilihat sebagai sumber baharu yang sangat baik untuk dibangunkan dengan jumlah pembayar yang semakin meningkat di setiap negeri (Hairunnizam *et al.*, 2006). Namun, pada waktu itu didapati tidak ada keseragaman ijtihad di antara kerajaan negeri dalam memberi fatwa kewajipan zakat pendapatan. Hal ini kerana, Majlis Agama Islam setiap negeri mempunyai bidang kuasa tersendiri dan berasingan dalam membentuk fatwa. Maka hal ini menyebabkan negeri-negeri di Malaysia mempunyai

pendapat yang berbeza antara satu sama lain yang akhirnya menjadikan kutipan zakat pendapatan juga rendah .

Namun kini, majoriti Majlis Agama Islam Negeri dan institusi zakat seperti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Zakat Pulau Pinang, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ), Pusat Zakat Sabah (PZS) dan Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ Pahang) telahewartakan zakat pendapatan sebagai wajib, manakala sebahagian negeri sahaja yang belum mewartakannya seperti Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Tarikh Diwartakan Fatwa Zakat Pendapatan Setiap Negeri

Negeri	Tarikh Keputusan	Tarikh Diwartakan
Kedah	19 April 1986	19 April 1986
Perak	22 Mac 1990	16 Februari 2004
Perlis	20 Oktober 1991	-
Sarawak	23 November 1996	-
Negeri Sembilan	8 Jun 1998	2 Julai 1998
Sabah	26 Ogos 1998	20 Februari 2003
Kelantan	16 Mac 1999	22 Julai 1999
Wilayah Persekutuan	9 April 1999	29 April 1999
Johor	17 April 2000	-
Melaka	22 Mei 2000	25 Mei 2000
Selangor	16 Januari 2001	9 Mei 2002
Pulau Pinang	26 April 2001	26 April 2001
Pahang	2001	2001
Terengganu	(tiada maklumat)	1999

Nota: (-) Tidak diwartakan

Sumber: Portal Rasmi Fatwa Malaysia (e-fatwa)

Jadual 1.2 menunjukkan data kutipan zakat pendapatan bagi setiap negeri di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2012. Walaupun secara keseluruhannya kutipan zakat pendapatan meningkat dari tahun ke tahun terutamanya selepas majoriti negeri di Malaysia mengeluarkan fatwa berkaitan kewajipan pembayaran zakat tersebut. Berdasarkan Jadual 1.2, kutipan zakat pendapatan yang tertinggi pada tahun 2012 adalah daripada Wilayah Persekutuan dan Selangor yang masing-masing berjumlah RM264.81 juta dan RM260.79 juta.

Jadual 1.2: Kutipan Zakat Pendapatan Mengikut Negeri bagi Tahun 2000-2012

Negeri	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Johor	t.d	t.d	t.d	t.d	0.83	5.68	9.97	18.49	27.76	34.07	37.93	46.70	51.62
Kedah	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	15.38	16.22	17.97	25.99	39.04	44.60	49.92	60.76
Kelantan	t.d	t.d	3.49	t.d	t.d	9.43	11.46	15.59	21.08	30.05	34.78	49.34	62.67
Melaka	t.d	3.18	3.94	4.73	t.d	6.42	7.19	8.43	10.30	12.25	14.25	16.95	20.85
Negeri Sembilan	t.d	t.d	4.37	5.59	6.26	9.04	10.49	11.45	14.27	18.08	22.34	26.75	32.04
Pahang	t.d	5.02	5.97	t.d	8.51	10.37	12.02	14.32	17.97	4.19	25.47	31.74	37.89
Perak	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d	9.70	11.61	15.94	20.93
Perlis	t.d	t.d	1.94	t.d	2.41	t.d	4.57	8.61	12.28	17.90	30.81	49.10	t.d
Pulau Pinang	t.d	8.21	9.65	t.d	12.46	14.56	16.54	18.63	22.16	24.52	29.79	33.69	37.59
Sabah	t.d	t.d	0.27	t.d	0.76	1.16	1.89	3.07	4.85	7.58	9.05	12.87	15.45
Sarawak	t.d	1.21	2.09	t.d	t.d	6.32	8.19	12.99	15.91	20.58	23.12	27.69	31.81
Selangor	t.d	19.73	29.53	39.58	t.d	66.34	81.07	99.59	130.69	153.96	189.98	218.27	260.79
Terengganu	t.d	6.08	10.14	t.d	13.55	14.53	14.65	18.02	23.26	26.76	28.67	35.70	42.53
Kuala Lumpur	18.48	33.21	42.88	54.16	63.74	76.70	89.12	109.80	137.57	167.48	192.72	231.64	264.81
Jumlah (RM juta)	18.48	76.66	114.28	104.07	108.53	235.98	283.42	355.98	464.15	566.23	695.12	846.27	939.75

Nota: t.d tiada maklumat

Sumber: Laporan zakat pelbagai tahun

Selain itu, negeri-negeri seperti Kelantan dan Kedah juga menunjukkan jumlah kutipan zakat pendapatan yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain iaitu masing-masing berjumlah RM62.67 juta dan RM60.76 juta. Walaupun negeri Johor belumewartakan wajib zakat ke atas pendapatan, namun data dalam Jadual 1.2 menunjukkan Johor juga memperoleh kutipan zakat yang tinggi selepas Kedah iaitu RM51.62 juta.

Bagi negeri seperti, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Sarawak dan Terengganu, jumlah kutipan zakat pendapatan adalah sederhana rendah iaitu di antara RM30

juta hingga RM40 juta pada tahun 2012. Manakala, negeri Melaka, Perak dan Sabah mencatatkan kutipan zakat pendapatan yang paling rendah berbanding negeri lain iaitu dalam anggaran kurang daripada RM20 juta walaupun negeri-negeri tersebut telah mewartakan pembayaran zakat pendapatan sebagai wajib.

Jadual 1.3 menunjukkan sumber-sumber zakat yang dikutip mengikut negeri di Malaysia. Hampir keseluruhan negeri mengutip hasil zakat pendapatan kecuali negeri Perak. Hal ini kerana, zakat pendapatan di Perak adalah diwartakan tidak wajib sekiranya tidak memenuhi syarat haul dan nisab zakat sejak tahun 2004 berdasarkan fatwa yang dinyatakan oleh Mufti Negeri Perak dalam subseksyen 34(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992, bahawa “gaji atau pendapatan termasuk dalam kategori yang wajib zakat apabila cukup nisab dan haul itu adalah syarat yang diittifakkan oleh Jumhur Ulama dalam mazhab yang empat namun, syarat ini tidak berlaku pada gaji atau pendapatan, maka gaji atau pendapatan tidak wajib zakat”

Jadual 1.3: Sumber-sumber kutipan zakat mengikut negeri

Negeri	Fitrah	Emas	Ternakan	Pertanian (termasuk padi)	Wang Simpanan	KWSP	Perniagaan	Saham	Pendapatan	Harta	Bahan Galian
W.P	X			X	X		X		X	X	X
Selangor	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Terengganu	X	X	X	X	X		X		X	X	
N.Sembilan	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
Melaka	X	X	X	X	X		X	X	X		
Perlis	X	X		X	X		X		X		
P.Pinang	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Pahang	X	X	X		X		X	X	X	X	X

Kedah	X	X	X	X	X	X	X	X	X		
Kelantan	X	X	X	X	X		X	X	X	X	X
Johor	X	X	X	X	X		X	X	X	X	
Perak	X	X	X	X	X		X				
Sarawak	X	X	X	X	X		X	X	X		
Sabah	X	X	X	X	X		X	X	X		

(Sumber: Musa Ahmad, Arifin Md Salleh & Abdullah Hj Said, (2007))

Penafsiran berbeza terhadap keputusan fatwa ini berlaku menyebabkan tiada statistik kutipan zakat pendapatan secara rasmi di Perak sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.2. Namun demikian, terdapat beberapa institusi yang mengambil inisiatif untuk melaksanakan kutipan zakat pendapatan ini. Antaranya ialah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang melaksanakan pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji melalui Jabatan Bendahari dengan kerjasama Pusat Islam dan MAIPk yang bermula sejak awal penubuhan UPSI.

Berdasarkan maklumat daripada Bahagian Bendahari UPSI, sebahagian daripada jumlah kutipan zakat bulanan yang dikumpulkan akan dikembalikan kepada UPSI untuk diagihkan kepada empat asnaf yang layak iaitu miskin, *fisabilillah*, *amil*, dan *ghorimin*. Data daripada jabatan Bendahari UPSI menunjukkan terdapat 975 orang kakitangan UPSI yang memilih untuk membayar cukai pendapatan berbanding hanya 460 orang kakitangan UPSI sahaja yang memilih opsyen pembayaran zakat pendapatan. Kepatuhan tinggi individu untuk memilih opsyen cukai berbanding zakat pendapatan telah menimbulkan kecenderungan kepada kajian mengenai faktor-faktor yang mewujudkan senario ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Zakat pendapatan merupakan antara penyumbang paling utama kepada pungutan oleh institusi zakat di Malaysia. Asas daripada sumber ini (terkecuali negeri Perak) menyumbang antara 40 hingga 60 peratus kutipan zakat tahunan (Hairunnizam *et al.*, 2007). Zakat pendapatan merupakan zakat yang dikenakan terhadap perolehan yang berasaskan sesuatu pekerjaan. Pendapatan ini merangkumi bayaran atau upah daripada kerja hakiki iaitu dikenali sebagai gaji pokok serta bayaran tambahan atau elaun yang diperoleh sebagai faedah atau kesan daripada pekerjaan yang dilaksanakan.

Bagi kakitangan awam misalnya, kumpulan ini menerima kedua-dua bentuk bayaran ini. Penerimaan bayaran ini dapat dikategorikan kepada dua iaitu bulanan dan bukan bulanan. Bagi bayaran bulanan, ia merangkumi gaji pokok serta beberapa elaun seperti elaun kakitangan atau keraian, perumahan dan sara hidup yang bersesuaian dengan gred jawatan yang disandang. Dalam kondisi bertempoh melibatkan sebilangan kakitangan awam yang menjawat jawatan pentadbir atau pengurus organisasi, kumpulan ini turut menerima elaun sampingan seperti ketua pusat tanggungjawab, penyelarar program dan sebagainya. Bayaran bukan secara bulanan pula diperoleh melalui dua senario. Pertama, bayaran yang diterima merupakan bayaran tambahan daripada kerja tambahan yang dilaksanakan. Bayaran ini merangkumi upah kerja lebih masa, tuntutan bersih perjalanan serta penyelidikan, memeriksa kertas peperiksaan dan sebagainya. Keduanya ialah bayaran yang diberikan sebagai penghargaan oleh pihak majikan terhadap seseorang pekerja yang merangkumi bonus atau bantuan khas kewangan dan insentif kecemerlangan (Zahri, 2013; Hamizul, 2013).

Menyedari bahawa sumber yang membentuk pendapatan seseorang pekerja adalah pelbagai, maka kefahaman individu dalam mengenal pasti sumber dan nilai bayaran yang

diperoleh bagi tujuan pengiraan amaun zakat untuk ditunaikan adalah penting. Individu yang patuh pada ajaran Islam sedaya mungkin untuk melaksanakan ketelitian bagi memastikan setiap harta yang dimiliki tidak dicemari oleh hak orang lain di dalamnya (Mahmood Zuhdi, 2002). Ketelitian dan kesanggupan seseorang individu untuk membersihkan harta secara sempurna adalah bersesuaian dengan objektif zakat dan indikator ketaatan manusia terhadap melaksanakan perintah Allah S.W.T.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengkaji pengetahuan pembayar zakat terhadap pengiraan sumber zakat pendapatan. Beberapa alasan mendorong aspek ini untuk dikaji walaupun telah terdapat pelbagai kajian teori dan empirikal dilaksanakan sebelum ini. Pertama, sumber pendapatan tambahan daripada sesuatu pekerjaan semakin berkembang. Bayaran khidmat kepakaran atau konsultansi, bayaran mengajar program eksekutif, bayaran penyelidikan dan sebagainya merupakan antara bayaran tambahan yang diperoleh oleh seseorang yang bergelar sebagai pensyarah, manakala bayaran kerja lebih masa bagi kakitangan sokongan. Memandangkan sumber ini semakin berkembang, maka perlu diketahui sejauh mana masyarakat yang menerima perolehan berkenaan memahami keperluan untuk menghitung sumber tambahan ini berserta dan tidak terhad kepada gaji pokok sahaja. Keduanya ialah elemen kepatuhan menghitung sumber-sumber ini masih belum mendapat kajian khusus walaupun telah terdapat banyak kajian empirikal mengenai zakat. Kamil *et al.* (1997) mengkaji elemen kepatuhan berdasarkan sikap atau persepsi, Kamil (2006) pula melalui penguatkuasaan undang-undang dan Sanep *et al.* (2006) dan Sanep (2004) pula berkaitan elemen kepuasan pengurusan institusi zakat.

Sehubungan itu, kajian ini mendapati bahawa wujud lompang dalam memahami pengertian kepatuhan sebenar yang menimbulkan dapatan sederhana dalam kedua-dua kajian



berkenaan. Hujah kepada lompang ini adalah berasaskan suruhan Allah S.W.T. terhadap manusia untuk menunaikan solat yang difardhukan dalam beberapa surah seperti al-Baqarah (2): 110 dan al-Nur (24): 56. Perincian kepada solat yang mengandungi rukun-rukun solat telah diperincikan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Rukun-rukun ini merupakan perkara yang perlu dilengkap dan dilaksanakan oleh individu muslim bertepatan dengan ibadah yang dinamakan solat. Rentetan pentingnya ketelitian untuk melengkapkan ibadah solat ini, maka pembersihan harta perolehan melalui zakat juga menuruti proses sebagaimana solat. Pengiraan harta perolehan yang sempurna perlulah merangkumi kesemua harta yang layak dihitung untuk pengiraan nilai zakat. Implikasi kesedaran ini dapat memberikan kelebihan terutamanya kepada institusi zakat untuk mendapatkan kutipan dan agihan yang lebih besar kepada asnaf- asnaf yang berkeelayakan.



1.4 Objektif Kajian

Objektif-objektif tertentu mestilah ditetapkan dalam melaksanakan sesuatu kajian kerana objektif ini akan menggambarkan keseluruhan perkara yang akan dibincangkan menerusi kajian tersebut. Beberapa objektif utama yang digariskan dalam kajian ini adalah seperti berikut iaitu:

- (i) menganalisis tahap pengetahuan kakitangan awam terhadap konsep zakat secara umum;
- (ii) menganalisis tahap pengetahuan kakitangan awam terhadap punca-punca pendapatan yang diambilkira dalam menghitung zakat pendapatan; dan





- (iii) menganalisis tahap kepatuhan kakitangan awam terhadap punca-punca pendapatan yang diambil kira dalam menghitung zakat pendapatan.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji cuba untuk mengenal pasti dan menjawab soalan kajian yang digariskan iaitu:

- (i) apakah tahap pengetahuan kakitangan awam terhadap konsep zakat secara umum?;
- (ii) apakah tahap pengetahuan kakitangan awam terhadap punca-punca pendapatan yang diambil kira dalam menghitung zakat pendapatan?; dan
- (iii) sejauhmanakah tahap kepatuhan kakitangan awam terhadap punca-punca pendapatan yang diambil kira dalam mengira zakat pendapatan?.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan responden dalam kalangan masyarakat Islam di Perak. Lokasi kajian adalah di Universiti Pendidikan Sultan Idris di Perak kerana ia menepati ciri-ciri yang dikehendaki dalam kajian iaitu: menerima pendapatan penggajian iaitu gaji yang diterima oleh pekerja setiap bulan, pendapatan ahli profesional (khidmat kepakaran, pemeriksa kertas soalan) dan pendapatan imbuhan (pindahan) seperti bonus, imbuhan tetap, elaun (perumahan, kakitangan, keraian), elaun pentadbiran (ketua jabatan, penyelarasan), elaun kenderaan,





tunggakan gaji, bayaran kerja lebih masa dan tuntutan daripada tugas rasmi atau penyelidikan melibatkan tuntutan perbatuan, tol, sara diri, lojing/ hotel dan sebagainya.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui sejauhmana tahap pengetahuan masyarakat terhadap punca-punca pendapatan yang diambil kira dalam mengira zakat pendapatan. Selain itu, ia bertujuan untuk memberi input kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri dan institusi zakat untuk merancang strategi bagi meningkatkan literasi zakat pendapatan dan kepatuhan membayar zakat pendapatan dalam kalangan masyarakat kini dan generasi akan datang bagi memenuhi biaya ekonomi kemasyarakatan dan negara.

Hasil kajian ini juga diharap dapat menambahkan sorotan kajian yang lebih mendalam dalam bidang literasi kewangan Islam mengenai tahap pengetahuan dan amalan zakat pendapatan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

1.8 Definisi Operasional

Definisi setiap istilah yang diterangkan ini adalah merujuk kepada istilah khusus yang digunakan dalam kajian. Istilah ini adalah berdasarkan konsep berikut:



1.8.1 Pengetahuan

Ilmu pengetahuan dalam diri seseorang boleh mempengaruhi tingkah lakunya secara langsung atau melalui perubahan sikapnya (Hungerford & York, 1990). Mereka yang berilmu akan menjadi lebih patuh kepada sesuatu peraturan (Kamil, 2002). Pengetahuan mengenai sesuatu perkara, contohnya cukai boleh mempengaruhi kepatuhan individu (Hajah Mustafa, 1996; Santoso, 1989; Christensen et al., 1994; Wartick, 1994; Roberts, 1994; Schisler, 1995). Pengetahuan bukan sahaja mempengaruhi terhadap bidang cukai, ia juga dilaporkan dalam bidang lain (Eagles & Muffitt, 1990). Kesimpulannya, dalam kajian ini ilmu pengetahuan menentukan bagaimana sesuatu amalan perlu dilaksanakan. Semakin tinggi pengetahuan seseorang mengenai zakat pendapatan maka kecenderungannya membayar zakat tersebut adalah tinggi. Skala Linkert 1 dan 2 digunakan bagi ukuran tahap pengetahuan zakat dalam kajian yang mana skala 1 adalah tidak tahu, manakala skala 2 adalah tahu. Pemilihan skala terhadap kepada dua ini adalah sesuai memandangkan elemen yang dikaji berkaitan dengan kepatuhan terhadap rukun agama Islam.

1.8.2 Amalan

Amalan berasal dari perkataan kata dasar amal yang bermaksud sesuatu yang dilakukan, dikerjakan sebagai suatu kebiasaan. Amalan juga adalah satu perbuatan biasa dilakukan secara berulang-ulang (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Amalan juga adalah perbuatan baik yang sering dilakukan disebabkan pengetahuan mengenainya. Zakat, infak dan sedekah termasuk amal ibadah yang dianjurkan untuk dibayar dalam ajaran Islam. Amalan dipengaruhi